

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

SOALAN :

Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani] meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang meminta PDRM membuka kembali kes Sirul Azhar Umar yang dikatakan membunuh Altantuya Shariibuu setelah mendapat perintah dan arahan dari "orang atasan" seperti yang disebut oleh Mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Keterangan yang diperoleh hasil siasatan pihak polis tidak menunjukkan penglibatan orang lain selain Cif Inspektor Azilah Hadri dan Koperal Sirul Azhar dalam kes pembunuhan Altantuya Shaariibuu.
2. Oleh yang demikian, hanya sekiranya terdapat bukti yang baharu sama ada daripada keterangan Koperal Sirul Azhar atau daripada mana-mana pihak, barulah fail kes siasatan pembunuhan tersebut boleh dibuka semula. Jabatan Peguam Negara akan mengkaji semula keterangan baharu tersebut sebelum membuat keputusan untuk mendakwa mana-mana pihak.

Sekian, terima kasih.

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
(SUNGAI PETANI)

SOALAN : 439

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan adakah Kementerian bercadang menggunakan kaedah mini hidro di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak dengan mengalirkan air ke kawasan penempatan dan menggunakan mini turbine bagi menjana tenaga elektrik seperti yang dilakukan di Lawas dan Bakalalan.

JAWAPAN:

Tuan Yang dipertua,

Untuk makluman YB juga, Kementerian sentiasa meneroka potensi penjanaan tenaga baharu bagi tujuan perbekalan elektrik di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Khusus bagi pelaksanaan projek mikro hidro, Kementerian pada tahun 2014 telah menyiapkan pembinaan stesen mikro hidro di Long Bangga di Baram yang telah memberi manfaat kepada 175 buah rumah di kawasan berkenaan.

Disamping itu, Kementerian juga dengan usahasama UNIMAS bermula pada tahun 2013 telah merancang untuk membina 2 projek mikro hidro perintis secara '*community based*' di Semulung Ulu, Pakan dan Nanga Sengaih, Sri Aman. Pembinaan sistem mikro hidro di Semulung Ulu, Pakan telah siap sepenuhnya dan penduduk kampung telah mendapat bekalan elektrik pada September 2014. Kerja-kerja pembinaan sistem mikro hidro di Nanga Sengaih pula dijangka akan

dimulakan pada Januari 2015 dan dijangka siap pada Disember 2015.

Kementerian juga pada tahun 2015 merancang untuk meneruskan pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar sistem mikro hidro di Long Tanid, Lawas dan Long Mubai, Baram bernilai RM9.0 juta dengan kerjasama Curtin University Sarawak. Perkara ini masih diperingkat perbincangan dan dijangka akan dapat dimulakan pada akhir tahun 2015.

Khusus bagi negeri Sabah pula, Kementerian bersama Sabah Electricity Sdn. Bhd. akan meneruskan usaha untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan dengan sistem mikro hidro bagi tujuan menyediakan kemudahan bekalan elektrik kepada penduduk di kawasan pedalaman.

SOALAN (443^o)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]

SOALAN :-

Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat meminta Kerajaan-kerajaan Tempatan seluruh negara mengkaji penggunaan insinerator bagi melupuskan sampah kerana kaedah pelupusan sekarang tidak sesuai lagi malah merbahaya dalam jangka panjang.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengalu-alukan penglibatan semua pihak dalam pengurusan sisa pepejal negara dan menyambut baik usaha untuk mengkaji penggunaan teknologi di negara ini. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) berpandangan penggunaan insinerator adalah merupakan teknologi yang telah terbukti dalam merawat sisa pepejal dan tidak mencemarkan alam sekitar seperti yang telah digunakan oleh negara-negara maju yang lain. Bagaimanapun Kos Perbelanjaan Modal (*Capex*) dan Kos Perbelanjaan Operasi (*Opex*) bagi pembinaan insinerator masih perlu dikaji dan diteliti.

Selain itu, KPKT juga menggalakkan kajian bagi teknologi-teknologi pengurusan sisa pepejal yang lain untuk memilih teknologi-teknologi yang

betul-betul sesuai untuk sisa pepejal tempatan dengan syarat ia telah terbukti, kos yang efektif dan mesra alam.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2015